

19/01/2002

RHB, UBG belum buat pengumuman

RUNDINGAN penggabungan antara Rashid Hussain Bhd (RHB) dan Utama Banking Group Bhd (UBG) terus menjadi tanda tanya apabila sehingga semalam, kedua-duanya masih belum membuat sebarang pengumuman berhubung perkembangannya.

Sebelum ini ramai yang menjangkakan bahawa kedua-duanya akan membuat pengumuman semalam selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan bahawa beliau berharap, RHB dan UBG dapat mencapai persetujuan menjelang hujung minggu ini.

Kedua-dua RHB dan UBG ketika dihubungi mengenai perkara itu enggan mengulas.

Bagaimanapun seorang sumber UBG mengesahkan bahawa pengarah kumpulan itu yang mengadakan rundingan berkenaan di Kuala Lumpur sudah kembali ke Kuching.

"Mereka kembali tanpa berkata apa-apa, kami masih tertanya-tanya," kata sumber itu kepada agensi berita Reuters.

UBG, kumpulan perbankan tempatan terkecil yang berpangkalan di Sarawak mahu membeli sehingga 46 peratus ekuiti RHB bagi menguasai kumpulan kewangan itu.

RHB menguasai 55 peratus kepentingan ekuiti dalam RHB Capital Bhd (RHB Capital) yang menguasai 70 peratus kepentingan dalam RHB Bank Bhd (RHB Bank), kumpulan bank ketiga besar di Malaysia.

UBG sudah menawarkan membeli 22 peratus kepentingan ekuiti dalam RHB daripada Malaysian Resources Corporation Bhd pada RM3.80 sesaham.

UBG juga menawarkan membeli 24 peratus kepentingan RHB milik peribadi Tan Sri Abdul Rashid Hussain pada harga RM6 sesaham.

Memetik sumber perbankan, Reuters kelmarin melaporkan bahawa, rundingan kedua-duanya mungkin dihentikan berikutan kegagalan kedua-duanya mencapai persetujuan berhubung harga.

Bagaimanapun sumber UBG yang dihubungi agensi berita itu pula berkata, ahli lembaga pengarah Cahya Mata Sarawak (CMS) yang memiliki 51 peratus kepentingan dalam UBG mengadakan rundingan di Kuching semalam bagi membuat keputusan akhir berhubung harga pembelian itu.

"CMS kini sedang membuat keputusan samada mereka akan meneruskan dengan harga yang diminta. Ada mesyuarat lembaga pengarah di Kuching sekarang," kata sumber itu.

(END)